

<b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b> <i>(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk mengambil Akaun Simpanan Emas. Pastikan juga anda telah membaca terma dan syarat umum.)</i>	<b>UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD</b> <b>AKAUN SIMPANAN EMAS (GSA)</b> Tarikh: .....
--	---

### 1. Apakah produk ini?

Ini adalah satu pelaburan emas di mana anda tidak perlu memegang emas tersebut secara fizikal. Pulangan daripada pelaburan anda adalah tertakluk kepada pergerakan harga emas. Pelaburan ini tidak diinsuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

### 2. Apakah yang akan saya dapat daripada produk ini?

Pelaburan Awal Minimum	20 gram
Pelaburan/Pengeluaran Minimum yang Berikutnya	Dalam gandaan 5 gram
Baki Minimum dalam Akaun	10 gram (jika kurang daripada 10 gram, fi pentadbiran sebanyak RM2.12 (termasuk GST) akan dikenakan setiap bulan)
Pembayaran Faedah	Tiada
Harga Pembelian/Penjualan Emas	Harga pembelian/penjualan emas adalah mengikut harga sebutan RM bagi setiap gram. Harga emas adalah ditetapkan oleh pihak Bank pada budi bicara tunggal dan mutlakanya selepas mempertimbangkan harga emas antarabangsa, kadar penukaran di antara Dolar Amerika Syarikat dan Ringgit Malaysia, dan lain-lain keadaan pasaran.
Penukaran Emas Kepada Bentuk Fizikal	Permintaan untuk menukarkan emas kepada bentuk fizikal adalah pada budi bicara tunggal dan mutlak pihak Bank. Fi penukaran akan dikenakan pada masa transaksi. Perbezaan di antara harga fizikal emas dan Akaun Simpanan Emas + fi pemprosesan.

### 3. Apakah terma dan syarat utama?

#### Untuk membuka Akaun Simpanan Emas:

Pemegang akaun perlu mengekalkan satu Akaun Simpanan atau Semasa dengan pihak Bank untuk memudahkan pembayaran bagi pembelian, kutipan prosid jualan serta untuk mendebitkan fi dan caj di bawah GSA.

#### Pemindahan emas ke akaun lain:

Pemindahan emas kepada pemegang akaun yang lain tidak dibenarkan.

### 4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

#### Fi Pentadbiran

Fi pentadbiran sebanyak RM2.12 (termasuk GST) akan dikenakan setiap bulan jika baki GSA jatuh bawah 10 gram pada akhir bulan.

## 5. Apakah risiko-risiko utama?

### Risiko Harga

Harga pembelian/penjualan emas adalah berdasarkan pada keadaan pasaran dunia dan tempatan lazim bagi emas, kadar penukaran matawang asing di antara Dolar Amerika Syarikat dan Ringgit Malaysia dan lain-lain keadaan pasaran.

### Risiko Pasaran

Pelaburan anda akan terdedah kepada kuasa dan turun naik pasaran. Pergerakan pasaran yang tidak boleh dijangka mungkin akan menyebabkan anda mengalami kerugian besar untuk pelaburan anda jika keadaan pasaran tidak memberangsangkan.

## 6. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

Adalah amat penting untuk anda menghubungi pihak Bank jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

## 7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat yang selanjutnya mengenai pelaburan, sila rujuk kepada buku kecil *bankinginfo* mengenai 'Melaburkan Wang Anda' ('Investing Your Money'), yang terdapat di semua cawangan kami serta di laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

Untuk maklumat selanjutnya mengenai Akaun Simpanan Emas, anda boleh menghubungi Talian Perbankan UOB 121:

- Kuala Lumpur : 03-26128121
- Penang : 04-2401121
- Johor Bahru : 07-2881121
- Kuching : 082-287121
- Kota Kinabalu : 088-477121

Selain daripada itu, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami yang berdekatan dengan anda dan melayari laman web kami di [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my)

## 8. Lain-lain produk yang disediakan

Akaun Emas Premier (*Premier Gold Account* atau PGA)

**AMARAN:**  
**PRODUK INI TIDAK MEMBERI JAMINAN MODAL. PULANGAN BAGI PELABURAN INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA TURUN NAIK HARGA EMAS. PULANGAN BAGI PELABURAN INI ADALAH TIDAK PASTI DAN PELANGGAN MUNGKIN TIDAK AKAN MENERIMA APA-APA PULANGAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.**

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 19 April 2016.